

PANDUAN RINGKASAN COVID-19 #4

Pelan kontingensi farmasi komuniti

Langkah-langkah berikut harus dipertimbangkan oleh pihak pengurusan farmasi:

1. Membangunkan rancangan kecemasan dan aliran kerja
2. Menjalankan latihan kakitangan sepenuhnya (lihat di bawah)
3. Fokus kepada status kesihatan semua kakitangan farmasi, juga berkaitan dengan tekanan dan kesihatan mental mereka;
4. Perlindungan kakitangan farmasi
5. Memperkukuhkan keupayaan pemantauan jangkitan ahli farmasi
6. Memastikan pengurusan pembersihan dan pembasmian kuman yang mencukupi
7. Melaksanakan prosedur kaunseling pesakit
8. Memperkukuhkan pendidikan pesakit
9. Memperkukuhkan pengurusan pendedahan jangkitan dan
10. Memperkukuhkan pengurusan sisa perubatan

Adalah disyorkan bahawa seluruh pasukan farmasi dilatih dalam:

- Maklumat teknikal dan saintifik mengenai COVID-19, khususnya, mengenai gejala, tempoh inkubasi dan cara penularan virus;
- Maklumat epidemiologi kawasan yang terjejas;
- Langkah-langkah pencegahan termasuk pembasmian kuman, kebersihan tangan yang betul dan pengendalian peralatan perlindungan diri;
- Bagaimana untuk meneruskan kes yang disyaki, termasuk strategi yang perlu dilaksanakan oleh setiap farmasi;
- Bahan-bahan yang tersedia untuk menyokong intervensi (risalah maklumat, carta aliran intervensi dan laman web maklumat yang tepat).

Diterjemah oleh:
Ms Prabha Menon, Dr Jamuna Rani,
Prof Gan Siew Hua –
Monash University Malaysia

Untuk maklumat lanjut dan rujukan sokongan, rujuk dokumen bimbingan lengkap di www.fip.org/coronavirus

Dokumen ini berdasarkan pada bukti dan cadangan daripada organisasi-organisasi ternama pada masa penerbitan. Ia akan dikemaskini apabila pengetahuan/maklumat terbaru tersedia-ada/diperolehi.